

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN BARU BIAN [SELANGAU]

SOALAN

TUAN BARU BIAN [SELANGAU] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan ketika pandemik COVID-19 menggerakkan perniagaan ke arah pendigitalan, adakah kita mempunyai pekerja mahir yang cukup untuk menyokong insentif ini. Berapa banyak insentif yang diperuntukkan untuk syarikat teknologi melatih dan meningkatkan graduan baru untuk mewujudkan lebih ramai pekerja mahir untuk menyokong proses pendigitalan. Berapa banyak peluang pekerjaan telah diwujudkan atas inisiatif ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan menerusi Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah melancarkan Inisiatif PENJANA HRD Corp bertujuan untuk memulihkan semula ekonomi negara yang terkesan disebabkan oleh pandemik COVID-19. Lima (5) skim telah diperkenalkan melalui inisiatif ini yang terdiri daripada Place & Train, B40 Development, SME Development, Industrial Revolution 4.0 (IREV 4.0) dan Gerak Insan Gemilang (GIG).

Skim-skim ini diwujudkan dengan tujuan untuk membantu rakyat melalui latihan kemahiran yang menjurus kepada penempatan pekerjaan, penjanaan pendapatan dan pengekalan pekerjaan. Setakat 3 Disember 2021, seramai 85,527 pelatih telah diluluskan dan mendapat manfaat daripada inisiatif ini.

Bagi menyokong majikan mentransformasikan operasi perniagaan mereka ke arah pendigitalan, inisiatif di bawah PENJANA HRD Corp melalui skim Industrial Revolution 4.0 (IREV 4.0) telah meluluskan peruntukan berjumlah RM48 juta kepada majikan dan memanfaatkan seramai 8,000 pelatih bagi mengikuti program latihan kemahiran pendigitalan yang akan membantu syarikat meningkatkan kecekapan operasi dan produktiviti untuk lebih berdaya saing dan kompetitif.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN BARU BIAN (SELANGAU)

SOALAN

TUAN BARU BIAN minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan di bawah program CERDIK, sebanyak 520 buah komputer riba telah diberikan kepada 520 pelajar di 3 buah sekolah di Selangau. Memandangkan Selangau telah dikenal pasti sebagai salah satu daripada 28 daerah termiskin di Malaysia, majoriti daripada 2,400 pelajar dari keluarga B40 di Selangau di 20 buah sekolah juga memerlukan komputer riba. Adakah Kementerian akan menyediakan komputer riba untuk sesi persekolahan tahun depan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Inisiatif Tabung CERDIK seperti yang diluluskan dalam Belanjawan 2021 adalah satu inisiatif pemberian peranti digital lengkap dengan pelan data kepada 150,000 orang murid B40 yang dilaksanakan oleh Yayasan Hasanah, sebuah yayasan di bawah Khazanah Nasional. Tabung CERDIK merupakan satu inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesemua 150,000 peranti digital di bawah inisiatif ini telah selesai diagihkan kepada murid B40 terpilih pada 29 Oktober 2021. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 817 peranti digital telah diagihkan kepada murid B40 di enam buah sekolah di Parlimen Selangau yang memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Buat masa ini, KPM tidak disediakan sebarang peruntukan bagi penyediaan komputer riba untuk tahun 2022.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN BARU BIAN (SELANGAU)

SOALAN

TUAN BARU BIAN minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan kaji selidik yang dijalankan oleh UNICEF pada tahun 2020 mendedahkan sehingga November 2020, seramai 572 juta pelajar terjejas akibat penutupan sekolah di lebih 30 negara. Yang paling teruk terjejas adalah pelajar yang tidak dapat mengikuti pembelajaran jarak jauh atau kelas atas talian kerana kekurangan atau ketiadaan peranti dan pelajar yang baru belajar membaca, menulis dan mengira. Apakah rancangan Kementerian untuk menangani masalah ini dan mengurangkan kesan buruk yang pastinya menjejaskan modal insan di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari bahawa pandemik COVID-19 memberi kesan kepada pembelajaran murid terutamanya apabila mereka tidak dapat hadir ke sekolah secara bersemuka. Bagi memastikan tiada murid yang tercicir dalam pembelajaran semasa penutupan sesi persekolahan bersemuka, KPM telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). PdPR dilaksanakan melalui tiga pendekatan iaitu secara dalam talian (online), di luar talian (off-line) dan *off-site* mengikut kesesuaian guru dan murid.

Bagi memantau penyertaan murid dalam PdPR, KPM telah membangunkan Sistem Pelaporan Pengajaran dan Pembelajaran di

Rumah (SPdPR). Sistem ini membolehkan penyertaan murid dipantau secara *real-time*. Hal ini membolehkan pihak sekolah melaksanakan intervensi yang bersesuaian bagi memastikan keterlibatan murid adalah secara optimum.

Data pelaporan bermula 20 Januari hingga 31 Oktober 2021 menunjukkan peningkatan peratus murid yang mengikuti PdPR. Pelibatan murid sekolah rendah meningkat sebanyak 12.2 peratus, iaitu daripada 87.1 peratus kepada 99.3 peratus. Pelibatan murid sekolah menengah pula meningkat sebanyak 20 peratus, iaitu daripada 78.0 peratus kepada 98.0 peratus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah membangunkan satu kerangka holistik dalam memastikan PdP dapat terus dilaksanakan dengan berkesan. Di samping itu, KPM akan terus menambah baik pelaksanaan PdPR bagi memastikan keberkesanannya dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

KPM juga telah melaksanakan penjajaran kandungan kurikulum mata pelajaran. Penjajaran kurikulum mata pelajaran difokuskan kepada Kandungan Asas (KA) supaya murid dapat disediakan untuk pembelajaran peringkat seterusnya. Kandungan Tambahan (KT) dan Kandungan Pelengkap (KP) pula boleh dilaksanakan mengikut keupayaan murid.

Bagi memperkasakan pelaksanaan kurikulum, KPM juga menambah baik sokongan pembelajaran dengan memperkenalkan Program Pemerkasaan Pelaksanaan Kurikulum (KPMPerkasaKU). Program KPMPerkasaKU dirangka dengan tujuan memastikan pembelajaran pemulihan bagi murid yang belum menguasai literasi dan numerasi. Di samping itu juga, program ini menyediakan pelbagai sokongan bagi mengukuh dan memperkayakan penguasaan kandungan mata pelajaran. Program ini melibatkan murid sekolah rendah dan sekolah menengah.

Selain itu, KPM telah memperkenalkan semula siaran TV Pendidikan. Murid boleh mengikuti pelbagai rancangan TV Pendidikan melalui saluran DidikTV KPM, TV Okey RTM dan Tutor TV Astro. Kandungan yang disediakan adalah berdasarkan kepada kurikulum dan kokurikulum peringkat prasekolah hingga ke tingkatan enam.

KPM turut menambah lebih banyak bahan PdP melalui *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa). Pelantar ini merupakan pusat rujukan sehenti yang mengandungi pelbagai aplikasi, perkhidmatan dan sumber pendidikan digital. Sehingga kini, 3,245 video kurikulum, 324 video pedagogi dan 1,761 video DidikTV telah dimuat naik di pelantar DELIMa.

Bagi membantu murid yang tidak mempunyai akses internet atau peranti yang sesuai, guru mengambil inisiatif untuk melaksanakan PdP secara luar talian melalui penggunaan buku teks dan buku aktiviti. Guru menyediakan modul pembelajaran dan membuat serahan bahan tersebut kepada murid. Guru juga mentaksir murid secara berterusan mengikut kesesuaian dan melaksanakan intervensi mengikut tahap dan keupayaan murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM menyedari bahawa sesi persekolahan secara bersemuka untuk tahun 2020 dan tahun 2021 tidak dapat dilaksanakan sepertimana kebiasaan. Justeru, KPM telah membuat ketetapan untuk melanjutkan sesi persekolahan tahun 2021 sehingga bulan Februari 2022. Pelanjutan sesi ini membolehkan pihak sekolah merancang dan melaksanakan aktiviti pemulihan, pengukuhan dan pengayaan secara intensif bagi meningkatkan kesediaan murid untuk mengikuti tahun persekolahan berikutnya.

KPM yakin kerangka holistik yang dirancang dan dilaksanakan ini membolehkan murid mengikuti PdP secara berkesan supaya mereka dapat menguasai kandungan kurikulum serta bersedia untuk mengikuti pembelajaran peringkat seterusnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

SOALAN

TUAN CHA KEE CHIN [RASAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai projek-projek yang telah diluluskan dan dilaksanakan di bawah Pakej Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) untuk Parlimen Rasah, mengikut DUN Labu, Bukit Kepayang, Rahang, Mambau dan Seremban Jaya, dengan nama projek, kos setiap projek dan nama kontraktor yang dilantik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara umumnya projek berskala kecil yang diluluskan di bawah PEMERKASA tidak diagihkan mengikut DUN atau Kawasan Parlimen tetapi lebih kepada agensi pelaksana.

Walau bagaimanapun, sebanyak RM41 juta diluluskan kepada jabatan/agensi Kerajaan di Negeri Sembilan merangkumi projek-projek berskala kecil seperti berikut:

- i. Penyelenggaraan Infrastruktur di bawah Kerajaan Negeri Negeri Sembilan;
- ii. Pembaikan dan Penyelenggaraan Bangunan Pejabat dan Kuarters Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Sembilan;

- iii. Pembaikan/Naiktaraf Premis Perpaduan akibat bencana Negeri Sembilan di bawah Kementerian Perpaduan;
- iv. Pembaikan/Naik taraf Jalan Perhubungan Desa dan ameniti sosial Negeri Sembilan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar;
- v. Naik taraf institusi Pendidikan MARA di Negeri Sembilan;
- vi. Penyelenggaraan dan Pembaikan KPNDHEP Negeri Sembilan;
- vii. Kerja Membaikpulih Dan Menaiktaraf Pejabat-Pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Laut Malaysia Negeri Sembilan di bawah Kementerian Pengangkutan;
- viii. Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir Negeri Sembilan di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air;
- ix. Pembinaan Gerai-Gerai Kecil di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Sembilan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dan
- x. Penyelenggaraan perumahan awam kos rendah dan perumahan Malaysia Negeri Sembilan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN (RASAH)

SOALAN

TUAN CHA KEE CHIN (RASAH) minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan senarai nama sekolah-sekolah di Parlimen Rasah yang menawarkan kelas PPKI. Berapa kapasiti murid/pelajar PPKI untuk setiap sekolah-sekolah tersebut dan berapa bilangan murid/pelajar ketika ini. Apakah akan ada sekolah lain di Parlimen Rasah yang bakal membuka kelas PPKI pada tahun 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

KPM menyediakan keperluan pendidikan khas di semua peringkat persekolahan, iaitu prasekolah, rendah, menengah dan lepas menengah. Terdapat tiga pilihan persekolahan untuk murid berkeperluan khas (MBK), iaitu sama ada di sekolah pendidikan khas (SPK) dan dua program pendidikan khas yang dilaksanakan di sekolah arus perdana, iaitu Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan Program Pendidikan Inklusif (PPI).

Berdasarkan data 31 Oktober 2021, sebanyak 16 buah sekolah yang melaksanakan PPKI di Parlimen Rasah dengan melibatkan seramai 523 MBK. Maklumat enrolmen dan kapasiti MBK mengikut sekolah adalah seperti berikut:

BIL	NAMA SEKOLAH	BIL. KAPASITI PENUH MBK	BIL. MBK SEMASA

SOALAN NO : 73

BIL	NAMA SEKOLAH	BIL. KAPASITI PENUH MBK	BIL. MBK SEMASA
1	SEKOLAH KEBANGSAAN L B JOHNSON	21	19
2	SEKOLAH KEBANGSAAN DATO' BANDAR RASAH	7	10
3	SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN RASAH JAYA	21	20
4	SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN SRI MAWAR	14	15
5	SEKOLAH KEBANGSAAN KOMPLEKS KLIA	49	44
6	SEKOLAH KEBANGSAAN DESA CEMPAKA	42	48
7	SEKOLAH KEBANGSAAN SEREMBAN 2A	35	40
8	SEKOLAH KEBANGSAAN SEREMBAN JAYA	28	36
9	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) MA HWA KG. BARU RASAH	14	14
10	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) CONVENT SEREMBAN (KOMPLEKS WAWASAN)	28	22
11	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATO' SHAHARDIN	21	17
12	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KOMPLEKS KLIA	28	32
13	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DESA CEMPAKA	77	54
14	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SEREMBAN 2	49	44
15	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SEREMBAN JAYA	49	52
16	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BUKIT KEPAYANG	56	56
JUMLAH		539	523

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM tidak mempunyai perancangan untuk menambah kelas PPKI pada tahun 2022 di Parlimen Rasah. Ini berikutan tiada ruang fizikal sekolah yang sesuai untuk dijadikan kelas pendidikan khas.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN (RASAH)

SOALAN

TUAN CHA KEE CHIN minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan senarai jumlah Kit Ujian Kendiri yang telah diterima oleh setiap sekolah di Parlimen Rasah, seperti mana yang pernah diumumkan oleh YB Menteri di Parlimen sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengutamakan keselamatan serta kesihatan murid bagi memastikan sesi pembelajaran secara bersemuka di sekolah dapat dilaksanakan dalam keadaan teratur dan selamat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembekalan kit ujian sendiri COVID-19 ke sekolah bawah KPM di seluruh negara adalah melalui pejabat pendidikan daerah (PPD) masing-masing berdasarkan kategori sekolah dan julat enrolmen murid bagi kegunaan dalam tempoh Oktober hingga Disember 2021. Sebanyak 62,943 unit kit Ujian Kendiri COVID-19 telah diagihkan ke 479 buah sekolah di Negeri Sembilan. Bagi Parlimen Rasah yang terletak di bawah PPD Seremban, KPM telah membekalkan sebanyak 8,857 unit kit ujian saringan sendiri COVID-19 kepada 59 buah sekolah.

Selaras dengan pelaksanaan Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan- *National COVID-19 Testing Strategy* (NTS) yang dikeluarkan oleh KKM pada 26 November 2021, pada November 2021, KPM telah membekalkan kit tambahan sebanyak 11,715 unit kepada 40 buah sekolah rendah di Parlimen Rasah. Kit ini adalah bagi kegunaan saringan ke atas 10% sampel ujian secara mingguan dengan kaedah penggiliran dalam tempoh Disember 2021 hingga Januari 2022.